

15 JAN 1999

Pemuda-HAK

PENUBUHAN HAK : PEMUDA UMNO KINI TAHU SIAPA LAWANNYA SEBENAR

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Pemuda UMNO berkata penubuhan parti politik baru yang dikenali sebagai Himpunan Angkatan Keadilan (HAK) akan membolehkan pergerakan itu mengetahui lawannya yang sebenar.

Pemangku Ketua Pemuda UMNO Datuk Hishammuddin Tun Hussein hari ini berkata sebelum ini mereka yang menubuhkan HAK berdiri di belakang pertubuhan bukan kerajaan dan ini menyukarkan Pemuda UMNO untuk mengenal pasti dan berdepan dengan golongan itu.

"Kita tidak takut dengan penubuhan HAK malah ia satu langkah baik kerana sekarang kita boleh berdepan dengan mereka secara terbuka," katanya kepada pemberita selepas menerima sumbangan untuk membantu rakyat Indonesia di sini.

Antara mereka yang mempelopori penubuhan HAK ialah Hanafiah Man, bekas pembantu khas bekas Ketua Pemuda UMNO, Datuk Ahmad Zahid Hamidi. Parti itu dilaporkan sedang menunggu kelulusan oleh Pendaftar Pertubuhan.

Hishammuddin berkata anggota Pemuda UMNO yang menyertai HAK tidak akan diterima semula kerana mereka telah membelakangkan UMNO.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Barisan Nasional boleh menawan semua Kelantan jika semua anggota parti bersatu, Hishammuddin berkata Pemuda UMNO sentiasa peka dengan suasana dan perkembangan di Kelantan

Bagaimanapun, katanya, keutamaan Pemuda UMNO pada masa ini ialah untuk membantu BN dalam pilihan raya negeri di Sabah.

"Saya akan gerakkan jentera Pemuda Barisan Nasional Semenanjung di Sabah untuk memberi fokus pada pilihan raya itu nanti," katanya.

Sebelum itu, Hishammuddin menerima sumbangan makanan dan minuman di bawah program Sumbangan Jiran Setia bagi membantu rakyat Indonesia khususnya pada musim perayaan ini.

Program itu dianjurkan oleh Majlis Hal Ehwal Antarabangsa pergerakan itu dan bagi peringkat pertama, tiga tan makanan dan minuman sudahpun dikumpul dan akan dihantar ke Indonesia beberapa hari lagi.

Pengerusi Majlis Hal Ehwal Antarabangsa Pemuda Umno Abdul Azim Mohd Zabidi berkata sumbangan itu akan dihantar kepada Ketua Umum, Dewan Pimpinan Pusat, Angkatan Muda Pembaharuan Indonesia (AMPI), Agus Kartasasmita yang kemudiannya akan mengagihkannya kepada golongan sasar.

-- BERNAMA

ARA MAI